



GARIS PANDUAN LATIHAN PASCA KEDOKTORAN UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

1. TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan menerangkan pelaksanaan latihan Pasca Kedoktoran kepada Pegawai Akademik yang baharu memperolehi Ijazah Kedoktoran (Ph.D). Latihan ini bertujuan untuk menggalakkan mereka menjalankan penyelidikan dalam bidang kepakaran mereka dengan kumpulan penyelidik-penyelidik di dalam atau luar negara.

2. OBJEKTIF

Objektif Latihan Pasca Kedoktoran adalah:

- 2.1 Memberikan peluang kepada pegawai akademik yang baharu memperolehi Ph.D untuk membuat penyelidikan secara sepenuh masa; dan
- 2.2 Menggalakkan pegawai akademik membina rangkaian penyelidikan dengan pakar dalam bidang-bidang berkenaan.

3. SYARAT DAN KELAYAKAN

Pegawai Akademik yang ingin mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran **hendaklah** memenuhi syarat am dan kelayakan kategori 1 atau kategori 2 yang berikut:

3.1 Syarat Am

- 3.1.1 Warganegara Malaysia;
- 3.1.2 Bebas daripada tindakan tatatertib;
- 3.1.3 Tempoh kursus tidak melebihi 24 bulan;
- 3.1.4 Pegawai hendaklah mendapat kebenaran daripada Ketua PTJ; dan
- 3.1.5 IELTS/TOEFL dikecualikan.

3.2 Kategori 1

- 3.2.1 Bertaraf tetap dan telah disahkan dalam jawatan;
- 3.2.2 Berkhidmat sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas dianugerahkan Ph.D atau Sarjana Kepakaran;
- 3.2.3 Lulus dengan jayanya Kursus Khas Kenegaraan anjuran Biro Tatanegeara; dan
- 3.2.4 Pegawai dikehendaki untuk memohon Latihan Pasca Kedoktoran dalam tempoh tiga (3) tahun selepas mendapat Ph.D;

3.3 Kategori 2

- 3.3.1 Mendapat penajaan dari sumber selain KPT sama ada dari universiti yang menawarkan Latihan Pasca Kedoktoran atau UPM (tertakluk kepada peruntukan);
- 3.3.2 Membuat permohonan ke jawatan Pensyarah Kanan dengan memajukan borang permohonan dan dokumen sokongan yang berkaitan dengan lengkap dan kadar segera. Ini adalah kerana kemudahan Latihan Pasca Kedoktoran adalah kemudahan kepada Pensyarah dan berjawatan tetap;

4. PERMOHONAN

Permohonan untuk mendapatkan Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah mengikut peraturan yang telah ditetapkan seperti berikut:

- 4.1 Menggunakan Borang Permohonan Cuti Pasca Kedoktoran yang boleh dimuat turun di <http://www.pendaftar.upm.edu.my/>.
- 4.2 Permohonan hendaklah dikemukakan ke Pejabat Pendaftar melalui Ketua Jabatan dan Dekan/Pengarah tidak kurang daripada tiga (3) bulan sebelum memulakan Latihan Pasca Kedoktoran;
- 4.3 Melampirkan **surat tawaran rasmi** daripada universiti/tempat berkaitan; dan
- 4.4 Pegawai perlu menyediakan kertas cadangan penyelidikan, perancangan dan jadual kerja/aktiviti sepanjang tempoh Latihan Pasca Kedoktoran.

5. KEMUDAHAN

Semasa mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran, staf layak mendapat kemudahan-kemudahan di bawah:

5.1 Dari UPM

- (i) Emolumen; dan
- (ii) Elaun dalam perkhidmatan;

5.2 Dari Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)

- (i) Elaun pakaian panas (sekiranya berkelayakan);
- (ii) Tiket penerangan (pergi/balik) untuk ke tempat menjalankan penyelidikan sekali sahaja; dan
- (iii) Bench Fee atau apa-apa yuran yang dikenakan oleh universiti tertakluk jumlah maksimum ialah USD20,000.

Nota: Kemudahan yang diperolehi di atas adalah untuk pegawai sahaja.

6. AKTIVITI DAN PENAJAAN

- 6.1 Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah dijalankan di universiti atau institusi penyelidikan di luar negara mengikut ranking yang ditetapkan oleh KPT sebagai penaja; dan
- 6.2 Keutamaan diberikan kepada pegawai yang menjalankan penyelidikan atau projek di negara-negara maju yang mempunyai kepakaran dalam bidang kepakaran pegawai.

7. IKATAN PERJANJIAN

- a. Seseorang pegawai yang diluluskan Latihan Pasca Kedoktoran dikehendaki menandatangani perjanjian perkhidmatan dengan universiti;
- b. Pegawai akan dikenakan ikatan kontrak perkhidmatan selama dua (2) kali ganda tempoh pegawai menjalani Latihan Pasca Kedoktoran atau minimum satu (1) tahun, mana yang lebih lama, berkuatkuasa dari tempoh melapor diri bertugas semula;

- c. Sekiranya pegawai mempunyai ikatan perkhidmatan kerana melanjutkan pengajian, maka tempoh perkhidmatan akan ditangguhkan sepanjang tempoh menjalani Latihan Pasca Kedoktoran. Baki ikatan kontrak akan disambung dengan ikatan baharu dan akan berkuatkuasa sebaik melapor diri bertugas semula;
- d. Pelanggaran kontrak perkhidmatan boleh menyebabkan pegawai dikehendaki membayar kos kerugian RM100,000.00/tahun **dan** kos sebenar pembiayaan yang diperolehi semasa menjalani Pasca Kedoktoran; dan
- e. **Universiti berhak menarik balik kelulusan ini jika pegawai gagal menandatangani perjanjian sebelum Latihan Pasca Kedoktoran bermula.**

8. KENAIKAN PANGKAT

Pegawai layak dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat sepanjang tempoh menjalani Latihan Pasca Kedoktoran.

9. KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PENERBITAN DAN HARTA INTELEK

Pegawai akademik yang mengikuti Latihan Pasca Kedoktoran perlu meningkatkan penerbitan dan jalinan kerjasama (*networking*) dengan komuniti bidang penyelidikan mereka. Di akhir Latihan Pasca Kedoktoran pegawai dikehendaki menghasilkan:-

9.1 KPI penerbitan yang perlu dicapai adalah seperti berikut:-

Kategori	Tempoh (bulan)				Sains / Sains Sosial			
	6	12	18	24				
Penerbitan dalam CIJ	1	2	3	4				
Kertas cadangan penyelidikan	1 kertas cadangan telah dihantar (1 submission of research proposal)							
Perkongsian Ilmu di fakulti	Wajib dilaksanakan dalam tempoh 6 bulan dari melapor diri.							

9.2 Segala penerbitan oleh pegawai mestilah membawa nama UPM dan segala hak intelek sekiranya mendapat kebenaran daripada tempat pegawai menjalankan Latihan Pasca Kedoktoran hendaklah membawa nama UPM.

10. IMPLIKASI KEPADA YANG TIDAK MENCAPAI KPI

Pegawai yang gagal mencapai KPI yang telah ditetapkan akan berdepan dengan implikasi iaitu permohonan kenaikan pangkat untuk tempoh satu tahun selepas melapor diri tidak akan dipertimbangkan.

11. TATATERTIB DAN KELAKUAN

Semasa menjalani Latihan Pasca Kedoktoran, pegawai adalah tertakluk kepada Kaedah-kaedah Tatatertib Universiti. Pegawai dikehendaki sentiasa menunjukkan kelakuan yang bersesuaian dengan tanggungjawab kepada Universiti dan Kerajaan Malaysia.

12. CUTI REHAT

- 12.1 Pegawai tidak layak mendapat cuti rehat sepanjang tempoh menjalani Latihan Pasca Kedoktoran. Cuti rehat akan dikira semula selepas pegawai melapor diri setelah menamatkan tempoh Latihan Pasca Kedoktoran;
- 12.2 Cuti tahunan yang tidak dapat dihabiskan akan luput sebaik sahaja memulakan Latihan Pasca Kedoktoran; dan
- 12.3 Pegawai boleh mengumpul cuti rehat tahunan sebanyak tujuh (7) hari sebelum memulakan Latihan Pasca Kedoktoran untuk digunakan semasa melapor diri kelak.

13. LAPOR DIRI

Pegawai hendaklah melapor diri di Pejabat Pendaftar segera selepas tamat Latihan Pasca Kedoktoran dengan mengemukakan:

- 13.1 Borang lapor diri yang disahkan oleh Ketua Jabatan dan Dekan Fakulti;
- 13.2 Menyerahkan bukti penghantaran kertas cadangan penyelidikan;
- 13.3 Pegawai yang gagal melapor diri akan dilucutkan hak emolumen; dan
- 13.4 Menghantar laporan penuh dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh melapor diri termasuk bukti pencapaian KPI.

14. KELULUSAN

Pertimbangan permohonan pegawai hendaklah diluluskan oleh Jawatankuasa Biasiswa dan Cuti Belajar, Universiti Putra Malaysia. Sekiranya Jawatankuasa tidak dapat bersidang, pertimbangan bagi permohonan tersebut hendaklah diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan diluluskan oleh Naib Canselor.

- Rujukan :**
- Perintah Am 38 Bab 'C'
 - Perintah Am Bab 'D'
 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991
 - Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002
 - Minit Jawatankuasa Pengurusan Universiti Putra Malaysia Kali Ke 337 (Minit 337.04 (l) yang bersidang pada 2 Julai 2009
 - Minit Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Universiti Kali Ke 13
 - Minit Jawatankuasa Pengurusan Universiti Ke 607 {Minit 607.04 (b)}